

PANADOL SOLUBLE TABLET

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panadol Soluble Tablet 500mg
2. Bagaimana Panadol Soluble Tablet 500mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Panadol Soluble Tablet 500mg
4. Cara menggunakan Panadol Soluble Tablet 500mg
5. Semasa menggunakan Panadol Soluble Tablet 500mg
6. Kesan-Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Panadol Soluble Tablet 500mg
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Panadol Soluble Tablet 500mg

Untuk melegakan demam dan kesakitan yang ringan hingga sederhana termasuk sakit kepala, migrain, sakit senggugut, sakit tekak, sakit otot dan tulang, sakit selepas vaksinasi, sakit selepas prosedur pergigian/ mencabut gigi, sakit gigi, dan sakit sendi.

Bagaimana Panadol Soluble Tablet 500mg berfungsi

Paracetamol berfungsi dengan menghalang penghasilan bahan yang dipanggil prostaglandin dalam badan untuk mengurangkan kesakitan dan demam.

Sebelum mengambil Panadol Soluble Tablet 500mg

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini sekiranya anda alah kepada paracetamol atau kandungan lain dalam ubat ini.

Produk ini mengandungi *aspartame*. Tidak sesuai untuk orang yang *phenylketonuric*.

-Sebelum mula mengambil

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda:

- mempunyai masalah kerosakan hati atau buah pinggang.
- kurang berat badan atau kekurangan zat makanan.
- kerap minum alkohol.
- hamil atau menyusukan bayi.
- mempunyai jangkitan yang teruk kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuklah pernafasan yang pendek, pantas dan sukar, mual (rasa loya), muntah dan hilang selera makan. Rujuk doktor dengan segera jika anda mendapat kombinasi gejala-gejala seperti ini.

Setiap tablet mengandungi natrium 427mg (natrium 854mg dalam 2 biji tablet). Pengambilan ubat ini perlu dipertimbangkan sekiranya anda mengikut diet natrium terkawal.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda mengambil *warfarin* atau ubatan yang serupa bagi mencairkan darah.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Seseengah ubat-ubatan dan produk ini boleh mengganggu satu sama lain.

Ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

Cara menggunakan Panadol Soluble Tablet 500mg

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas: Ambil 1-2 tablet, dilarutkan

dalam setengah gelas air setiap 4-6 jam bila perlu.

Kanak-kanak berusia 9-11 tahun: 1 tablet, dilarutkan dalam setengah gelas air.

Kanak-kanak di bawah umur 9 tahun: Tidak disyorkan.

Dos harian maksimum:

Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas: 8 tablet.

Kanak-kanak berusia 9-11 tahun: 60mg/kg diambil dalam dos berbahagi sepanjang tempoh 24 jam (tidak lebih daripada 4 dos dalam 24 jam).

Dos paling rendah yang dapat memberi keberkesanan dalam tempoh rawatan yang paling singkat harus digunakan.

Pengambilan secara oral sahaja.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

-Bila perlu digunakan

Ambil setiap 4 - 6 jam bila perlu. Jangan ambil lebih kerap daripada setiap 4 jam.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ambil Panadol Soluble Tablet 500mg untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Rujuk dengan doktor anda sekiranya gejala berterusan selama lebih daripada 3 hari.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa seperti yang ditetapkan. Jangan ambil dos berganda untuk

PANADOL SOLUBLE TABLET

Paracetamol (500mg)

menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil dos berlebihan, anda perlu mendapatkan nasihat perubatan dengan segera kerana berisiko mengalami kegagalan hati yang mungkin memerlukan pemindahan hati atau mengancam nyawa. Keradangan pancreas akut juga pernah diperhatikan.

Produk ini juga mengandungi natrium bikarbonat dan dos natrium bikarbonat yang tinggi mungkin menyebabkan gejala gastrousus termasuk sendawa, loya dan paras natrium yang tinggi.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Panadol Soluble Tablet 500mg

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor atau seperti yang tertera pada kotak.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Panadol Soluble Tablet 500mg.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan melebihi dos yang disyorkan.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Panadol Soluble Tablet 500mg dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

REAKSI ALAHAN:

Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Produk ini selalunya tidak menjejaskan keupayaan untuk memandu dan menggunakan mesin.

Kesan-Kesan Sampingan

Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor atau ahli farmasi serta-merta jika:

- anda mengalami tindakbalas alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, adakala beserta masalah bernafas atau bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.
- anda mengalami ruam kulit atau pengelupasan atau ulser dalam mulut.
- anda pernah mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau ubat anti-radang tanpa steroid, dan mengalami tindakbalas yang sama dengan produk ini.
- anda mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya.

Tindakbalas ini jarang berlaku. Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, bengkak di bawah kulit, *Stevens Johnson Syndrome/ Toxic Epidermal Necrolysis* telah dilaporkan. Seperti ubat-ubatan lain, Panadol Soluble Tablet 500mg boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang

mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Panadol Soluble Tablet 500mg

- Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet putih, rata dan bersisi serong, kosong pada kedua-dua belah permukaan.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif

Paracetamol 500mg

-Bahan-bahan tidak aktif Sorbitol, Povidone, Saccharin Sodium, Aspartame, Sodium Bicarbonate, Sodium Lauryl Sulphate, Dimethicone, Citric Acid, Sodium Carbonate, Drydex Imitation Lemon Flavour, Permaseal Lemon Powder Flavour, Imitation Lemon Flavour, Imitation Candied Sugar Flavour.

-Nombor MAL

MAL19930450XRZ

PANADOL SOLUBLE TABLET

Paracetamol (500mg)

Pengilang

Haleon Ireland Dungarvan
Limited, Knockbrack, Lisfennel,
Dungarvan, Co. Waterford,
X35 RY76, Ireland.

Pemegang Pendaftaran Produk

Haleon Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 89, Jalan Enggang,
Ampang/ Hulu Kelang Industrial
Estate, 68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

22/08/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)310322/00022